

KMI: Lanap pendidikan di Malaysia dapat berkembang kerana

Dasar pendidikan luwes

Colour ↓

Utusan Sarawak (Front Page) 01/07/2001

AMRIZAN-MADIAN

KUCHING, Sabtu — Dasar liberal sistem pendidikan yang diamalkan di Malaysia telah membantu mengembangkan tahap pendidikan di negara ini, kata Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud di sini hari ini.

Keluwesasan dalam sistem pendidikan, termasuk peluang untuk mendapatkan pendidikan di sektor awam mahupun sektor swasta, telah berjaya mewujudkan kerjasama yang erat dengan kampus universiti di luar negara, katanya, dan keadaan itu amat membantu dalam memantapkan lagi sistem pendidikan di negara ini.

"Bayangkan kini terdapat 210,000 pelajar luar yang mendapat pendidikan di negara kita," katanya ketika berucap pada Perasmian Kolej Inti, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Kolej Inti Sarawak, Datin Hajah Liliah HM Salleh.

Datuk Patinggi Taib berkata, perkembangan pendidikan di negara ini bukan sahaja membantu meningkatkan lagi jumlah golongan profesional, malah juga turut membantu menghubungkan masyarakat berbilang kaum di negara ini dengan masyarakat luar yang mempunyai budaya yang berbeza.

Menurut beliau, kehadi-

ran pelajar asing ke negara ini memberi peluang kepada pelajar tempatan berinteraksi dengan lebih dekat sesama mereka selain membolehkan mereka bertukar-tukar pengalaman.

Beliau memuji Kolej Inti Sarawak yang beliau sifatkan terus berkembang sejak penubuhannya 10 tahun lalu dengan bertambahnya program pendidikan di kolej terbabit.


"Pengenalan program baru itu turut membantu Kolej Inti Sarawak bergerak selari dengan arus perubahan pendidikan secara global," tambahnya.

Sebelum itu, Pengerusi Kolej Inti Sarawak, Datin Hajah Liliah HM Salleh dalam ucapannya berkata, kolej tersebut akan terus memberikan tumpuan kepada usaha menjadikan ia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan teknologi maklumat (IT) yang melibatkan penyelidikan dan pembangunan.

Selain memberi tumpuan kepada bidang akademik, Kolej Inti juga tidak melupakan peranan dalam menyatupadukan pelajar-pelajar yang terdiri dari pelbagai bangsa dan budaya.

Kini terdapat lebih 2,000 pelajar termasuk 270 kakitangan yang menjadi warga Kolej Inti Sarawak.

Sejak penubuhannya, kira-kira 5,000 pelajar-pelajar telah pun menamatkan pengajian termasuk 2,000 pelajar luar negara.



• RASMI... Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud menandatangani plak sempena perasmian Kolej Inti, Sarawak di Kuching semalam. Turut kelihatan ialah pengerusi kolej tersebut, Datin Hajah Liliah HM Salleh.

JEFRI BAKERI